UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PARAMETER SYARIAH DALAM PENGAMBILAN TANAH WAKAF

oleh Pihak Berkuasa Negeri Berdasarkan Kerangka Maqasid Syariah dan Tadbir Urus



Syarahan Profesor UiTM

MOHD AFANDI
MAT RANI

ISI KANDUNGAN

Dedikasi	ix
Prakata	xi
BAB 1	
Pengambilan Tanah Secara Paksaan dalam Islam	1
Pengambilan Tanah Secara Paksaan Menurut Fuqaha	1
Dalil Keharusan Pengambilan Tanah Secara Paksaan dalam Islam	6
Kaedah Pengambilan Tanah Secara Paksaan dalam Islam	10
Pengambilan Tanah Berdasarkan Maslahah Ammah	16
Pengertian Maslahah Ammah	17
Pembahagian Maslahah	18
Susunan Keutamaan Maslahah	20
Pembahagian Maslahah dari Sudut Ruang Lingkup	22
Pembahagian Maslahah dari Sudut Keperluan	23
Perlaksanaan Pengambilan Tanah Berdasarkan Maslahah Ammah	23
Pemakaian Konsep Darurat dan Maslahah dalam Pengambilan Tanah	27

PRAKATA

Isu pengambilan tanah wakaf merupakan antara persoalan kontemporari yang paling mencabar dalam landskap perundangan Islam dan pentadbiran awam masa kini. Ia bukan sekadar isu teknikal perundangan tanah, bahkan menyentuh persoalan asas tentang amanah pewakaf, kedudukan harta wakaf sebagai milik Allah, serta keutamaan maslahah umat berbanding kepentingan individu dan institusi. Dalam konteks negara membangun seperti Malaysia, keperluan terhadap tanah bagi pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam sering kali meletakkan tanah wakaf dalam keadaan yang serba terhimpit antara tuntutan pembangunan dan tuntutan hukum syarak.

Buku ini dihasilkan dengan tujuan untuk membangunkan Parameter Syariah dalam Pengambilan Tanah Wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri Berdasarkan Kerangka Maqasid Syariah dan Tadbir Urus. Pendekatan ini diambil bagi memastikan setiap keputusan berkaitan pengambilan tanah wakaf tidak dibuat secara bersifat prosedural semata-mata, tetapi dinilai secara menyeluruh dari sudut tujuan syariah, keadilan, amanah dan kemaslahatan jangka panjang umat Islam.

Penulisan ini mengintegrasikan perbahasan hukum pengambilan tanah menurut perspektif fiqh Islam dengan analisis konsep maslahah 'ammah, darurat serta kaedah-kaedah fiqhiyyah yang muktabar. Kerangka Maqasid Syariah dijadikan asas utama dalam menilai keharusan, batasan dan implikasi pengambilan tanah wakaf, manakala prinsip tadbir urus

BAB 1
Pengambilan Tanah Secara Paksa dalam Islam

Pengambilan Tanah Secara Paksaan Menurut Fuqaha

Terdapat beberapa istilah lain yang memberi maksud yang sama digunapakai oleh fuqaha dalam penulisan mereka berkaitan dengan hukum mengambil harta seseorang secara paksaan atau tanpa persetujuan pemiliknya. Antaranya seperti al-'uqud al-Qahriyyah, al-Ikrah bi haqq, al-Ikrah al-Ja'iz, al-Jabr al-Halal dan al-Jabr al-Syar'ie. (Bakr b. 'Abd Allah Abu Zayd, 1988). Akad secara paksaan ini telah banyak dibincangkan di dalam buku-buku fiqh moden dalam perkara penjualan barang yang disorok, peletakan harga, syuf'at, penjualan harta orang muflis dan sebagainya. Semua transaksi ini dilakukan adalah berlaku secara paksaan atau tanpa kerelaan pemilik harta.

Ibn Manzur telah membezakan antara perkataan Naza'a dan Intaza'a. Maksud perkataan Intaza'a ialah merampas, dan Naza'a pula ialah menukarkan sesuatu dari tempatnya (Ibn Manzur, 1990), Intaza'a dari segi fiqh dan undang-undang ialah mengambil sesuatu daripada tuannya dan menguasai ke atas harta tersebut dan diuruskannya untuk faedah umum / ramai. Harta tersebut tidak lagi dimiliki oleh pemiliknya yang asal (Mahmud Syamam, 1988). Naz'a al-Milkiyyah di sini membawa makna merampas milik yang khusus secara paksaan daripada tuannya untuk kegunaan umum dengan membayar pampasan yang adil ('Abd Allah Muhammad 'Abd Allah, 2000), atau perpindahan harta peribadi yang dimiliki oleh seseorang kepada milik umum untuk manfaat orang ramai melalui campur tangan oleh pihak kerajaan (Sa'ad Muhammad Khalil, t.t).

Buku Parameter Syariah dalam Pengambilan Tanah Wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri Berdasarkan Kerangka Maqasid Syariah dan Tadbir Urus membincangkan secara kritis isu kontemporari pengambilan tanah wakaf dalam konteks pembangunan negara. Penulis mengintegrasikan perbahasan fiqh klasik dan kontemporari, konsep maslahah 'ammah, darurat serta kaedah-kaedah fiqhiyyah bagi menilai keharusan pengambilan tanah wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Akta Pengambilan Tanah 1960. Kerangka Maqasid Syariah dijadikan asas penilaian agar keputusan tidak bersifat prosedural semata-mata. Sebaliknya adil, beramanah dan berorientasikan kemaslahatan jangka panjang terhadap harta umat Islam. Buku ini turut mengupas hubungan antara undang-undang sivil (Akta Pengambilan Tanah) dengan prinsip Syariah, termasuk isu pampasan, istibdal, peranan MAIN dan tadbir urus yang telus. Hasilnya ialah satu set parameter Syariah dapat dihasilkan sebagai panduan dasar kepada pihak berkuasa, pengamal undang-undang dan pentadbir harta wakaf serta semua yang berkepentingan agar pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan selari dengan roh Syariah.

Mohd Afandi bin Mat Rani merupakan Profesor di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Syariah dan Pengajian Islam dari Universiti Mu'tah, Jordan (1997), Sarjana Syariah dan Undang-Undang Islam dari Universiti Malaya (2002), serta Doktor Falsafah dalam pengurusan harta Islam (2008). Kepakaran beliau meliputi undang-undang pentadbiran harta wakaf, zakat dan hibah. Beliau aktif menulis artikel, jurnal dan buku di peringkat kebangsaan serta antarabangsa, selain mengetuai pelbagai geran penyelidikan industri bersama PNB, Bank Rakyat, LZS, Maybank dan MAIWP. Beliau juga aktif dalam pelbagai badan dan jawatankuasa profesional, antaranya sebagai Ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), PERKIM, dan Penasihat Syariah di Nextgreen Global Berhad. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Pusat Kecemerlangan di Institut Kajian Zakat (IKaZ) UiTM, Timbalan Pengarah di Jabatan Perdana Menteri (PMO), Penyelaras ICAN ACIS dan Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Bermula 1 Februari 2025, beliau dilantik sebagai Rektor UiTM Cawangan Kelantan.

ISBN 978-629-496-202-6

Harga / Price : RM 75.00

9 786294 962026

PENERBIT PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA